

02/01/2002

Melayu akan ketinggalan jika lupa ilmu dunia, akhirat

PERUTUSAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sempena Tahun Baru 2002 semalam, memberi tamparan hebat kepada orang Melayu jika mereka terus membelakangkan ilmu. Dalam keadaan dunia hari ini yang penuh pancaroba, ilmu adalah kuasa penentu kepada kemajuan bangsa. Bangsa yang tidak berilmu akan kehilangan kuasa. Bangsa yang membelakangkan pelajaran tidak akan mampu membela bangsanya. Bangsa yang lemah dari segi pencapaian ilmu, mudah diperkotak-katikan oleh kaum lain. Bangsa yang tidak berilmu tidak akan mampu memerintah negara sendiri. Begitulah bahayanya kedudukan bangsa Melayu seandainya tidak mementingkan ilmu dan melepaskan peluang untuk menimba pelajaran seluas-luasnya kepada bangsa lain. Bangsa lain sedar mereka akan menjadi bangsa yang besar dan dihormati jika ilmu ada dalam genggamannya. Apabila bangsa lain menguasai ilmu, tugas penting negara terpaksa dengan rela diserahkan kepada mereka. Ini adalah hakikat yang perlu diterima. Ketika itu slogan dan semangat berkobar-kobar untuk membela bangsa tidak bermakna lagi.

Sebagai ingatan kepada orang Melayu yang mudah lupa, mereka tidak boleh terus mendabik dada selama-lamanya, dengan anggapan bahawa di bumi Malaysia ini mereka adalah bangsa yang istimewa. Keistimewaan bangsa Melayu akan hilang dengan sendirinya apabila mereka tidak lagi menganggap ilmu sebagai teras kehidupan. Mereka yang menganggap ilmu dunia tidak penting adalah golongan yang tidak mementingkan kemajuan bangsa dan agamanya. Mereka mahu melupuskan ketuanan di negara sendiri. Bangsa apa sekali pun, jika tidak mementingkan ilmu akan kecundang. Jika tidak mahu keadaan yang menakutkan ini menimpa orang Melayu, maka mereka perlu memahat azam baru dengan menolak sebarang hasutan daripada golongan yang berusaha melemahkan penguasaan orang Melayu dalam menjulang ilmu.

Janganlah terpengaruh dengan dakwaan mereka, kononnya mempelajari pelbagai ilmu selain daripada Islam, tidak akan menjadikan mereka orang Melayu dan umat Islam yang baik. Orang Melayu dan umat Islam yang baik terletak kepada penguasaan kedua-dua ilmu dunia dan akhirat. Sebagaimana dijelaskan oleh Dr Mahathir golongan ini sebenarnya tidak faham maksud fardu kifayah yang mana jika diabaikan bermakna seluruh masyarakat Islam menanggung dosa. Mementingkan fardu kifayah tidak bermakna orang Melayu dan umat Islam mengabaikan fardu ain kerana ia adalah tanggungjawab masing-masing terhadap agama.

Hari ini, walaupun pencapaian orang Melayu boleh dibanggakan, berbanding dengan kaum lain, mereka masih jauh ketinggalan. Mereka mudah dilumpuhkan dalam sekelip mata kerana hampir segala kemajuan dunia belum menjadi hak mereka. Memang tidak dinafikan ada individu Melayu yang berjaya meletakkan nama di persada antarabangsa, tetapi bolehkah mereka menyamai pencapaian kaum lain yang menguasai hampir semua cabang ilmu. Orang Melayu tidak seharusnya menjadi bangsa yang menolak ilmu akibat terpengaruh dengan pandangan politik sempit pihak berkepentingan. Berapa lama lagi orang Melayu dan umat Islam terpaksa menadah ihsan dan menjadi penerima teknologi hasil pencapaian bangsa lain sedangkan mereka diberi kemampuan yang sama untuk maju. Bagi memenuhi seruan bangsa, terokailah ilmu hingga ke hujung dunia.

(END)